

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD. SAMAD
KAWASAN : SHAH ALAM
TARIKH : 9.3.2017 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 27

YB TUAN KHALID BIN ABD. SAMAD minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kewajaran pihak Kerajaan menjual 51 peratus ekuiti PROTON kepada pihak luar dan implikasinya kepada masa depan syarikat berkenaan.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

PROTON merupakan syarikat swasta yang dimiliki penuh oleh Kumpulan DRB-HICOM sejak 2012. Kumpulan DRB-HICOM sebagai syarikat swasta bebas melakukan keputusan perniagaannya dan Kerajaan tidak sama sekali campur tangan ke atas keputusan perniagaan mana-mana syarikat swasta.

Proses mengenalpasti rakan strategik telah bermula sejak bulan Jun 2016 apabila PROTON telah mengeluarkan jemputan *request for proposal* (RFP) kepada syarikat pengeluar kenderaan (OEM) utama dunia. Hasil daripada maklum balas RFP, beberapa syarikat OEM telah dikenalpasti berpotensi untuk menjalinkan perkongsian strategik dengan PROTON.

Kini, proses penilaian oleh pihak PROTON ke atas calon-calon rakan-kongsi strategik berada pada fasa yang terakhir setelah proses 'due diligence' ke atas PROTON telah dilengkapkan pada pertengahan Februari 2017. Syarikat Kumpulan DRB-HICOM Berhad telah menerima bidaan dari calon-calon tersebut dan sedang membuat penilaian terperinci ke atasnya dan dijadualkan untuk memuktamadkan pemilihan rakan-kongsi strategik ini dalam separuh pertama tahun 2017 ini.

Oleh yang demikian, sebarang bentuk perkongsian strategik termasuk pemilikan ekuiti antara PROTON dan rakan kongsi strategiknya masih lagi sedang dibincangkan.

Dari segi implikasi masa depan syarikat PROTON, pemilihan rakan strategik adalah satu faktor penting dalam usaha untuk mencapai transformasi demi kejayaan jangka masa panjang. Ini adalah bagi memastikan PROTON terus berdaya saing serta mampu mencapai sasaran proses pemulihannya serta mengembalikan kegemilangan dan ekuiti jenama positif yang pernah dikecapi pada tahun-tahun sebelum ini.

Perkongsian strategik ini dijangka dapat memberi manfaat kepada PROTON dari segi pengetahuan, teknologi serta pengilangan. Manfaat ini juga tidak akan terhad kepada warga PROTON sahaja malah kepada semua yang terlibat dalam ekosistem industri automotif. Dari segi produk, selain daripada perkongsian platform, kedua-kedua pihak juga bakal berkongsi sumber untuk membangunkan produk baharu. Ini merangkumi elemen teknologi serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk dari segi proses pembuatan produk itu

sendiri. Di samping itu, perkongsian ini bakal membuka ruang pasaran yang lebih luas kepada PROTON dari segi jualan dan eksport ke pasaran serantau.

Oleh itu, perkongsian strategik ini dijangka memberi hasil terbaik kepada semua pihak yang terlibat. Sepertimana yang digariskan dalam Dasar Automotif Nasional 2014, Kerajaan akan terus memberikan sokongan kepada PROTON sebagai projek nasional bagi memastikan kepentingan industri automotif tempatan terpelihara.